

# Dua negeri dilanda banjir

BH 23/10/2006.

## 120 keluarga dipindah apabila air beberapa sungai meningkat selepas hujan

Oleh Johari Ibrahim dan Basri Basir

**J**ITRA: Kira-kira 120 keluarga di Kedah dan Perlis dipindahkan ke penempatan sementara apabila kampung mereka dinaiki air selepas hujan lebat sejak malam kelmarin.

Kampung yang dinaiki air di Kedah ialah Kampung Tok Keong, Kampung Paya Tok Teh dan sekitar Kodiang, membabitkan 40 keluarga, manakala di Perlis kawasan yang terbabit ialah di sekitar Guar Sanji, Arau dan Pauh, membabitkan 80 keluarga.

Di Kampung Tok Keong dan Kampung Paya Tok Teh, 27 keluarga membabitkan 175 mangsa dipindahkan ke Dewan Orang Ramai dan surau Kampung Lahar, Mukim Malau, dekat sini, sejak awal pagi semalam apabila rumah mereka dinaiki air sedalam

lebih 0.9 meter.

Sehingga petang semalam, beberapa daerah di Kedah seperti Kubang Pasu dan Pendang masih dilanda hujan lebat yang turut menyebabkan air Sungai Pendang meningkat.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Lahar, Ahmad Ishak, berkata mangsa daripada kedua-dua kampung berkenaan dipindahkan mulai awal pagi selepas kawasan itu menerima limpahan air Sungai Changlun.

Menteri Besar, Datuk Seri Mahdzir Khalid melawat dan menghulurkan bantuan kerajaan negeri kepada mangsa banjir berkenaan petang semalam.

Sementara itu, 20 keluarga lagi membabitkan 80 mangsa terpaksa dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan Kodiang Lama apabila kediaman mereka dinaiki air sejak pagi semalam.

Seorang mangsa, Sarjan Ismail Ibrahim, 40, berkata banjir menyebabkan niatnya untuk berhari raya di rumah ibunya di Kampung Tok Keong terpaksa dibatalkan.

"Saya pulang dari Taiping sejak 20 Oktober lalu dan bercuti hingga 30 Oktober. Nampaknya saya terpaksa berhari raya di rumah mentua di Tunjang," katanya yang pulang bersama dua anak.

Di **PERLIS**; Persiapan menyambut Hari Raya juga turut terjejas apabila barangan elektrik dan perabot rumah mangsa banjir terpaksa diletakkan di tempat yang tinggi apabila air naik kira-kira 0.4 meter ke dalam rumah mereka kira-kira jam 6.50 petang kelmarin.

Seorang mangsa, Azmi Ahmad, 37, dari Kampung Katong di sini berkata, air naik dengan pantas menyebabkan beliau dan ahli keluarga lain ter-

paksa memindahkan perabot dan barangan lain ke tempat lebih tinggi.

"Keadaan ini dipercayai berpunca dari kunci air di tali air berdekatan gagal berfungsi menyebabkan air mengalir deras ke kawasan rendah.

"Dalam minggu ini saja, sudah dua

### FAKTA NOMBOR

Mangsa banjir

80

Keluarga di Perlis

40

Keuarga di Kedah

kali kawasan ini dinaiki air berikutan hujan lebat sejak beberapa hari lalu," katanya.

Ahli Parlimen Arau, Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail turut meninjau kawasan yang dilanda banjir kilat itu dan melahirkan simpatinya kepada mangsa terbabit.

Beberapa kampung lain turut dinaiki air iaitu Kampung Paloh, Hutan Kandis, Belukar, Jelempok, Paya Goreng, Kampung Sena, Padang Telata, Kampung Alor Setar dan Kampung Ulu Pauh.

Sementara itu, dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata semua pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di daerah dan negeri terbabit diarah bersiap sedia menghadapi bencana itu.